

Majlis khas perlu ditubuh urus tanah rizab Melayu

UM 31 OCT 2001
Oleh NORLELA IBRAHIM

KUALA LUMPUR 30 Okt.

Satu majlis khas perlu ditubuhkan bagi mengurus tanah rizab Melayu supaya ada pihak yang bertanggungjawab menangani segala isu berhubung perkara itu.

Presiden Gabungan Persekutuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA), Prof. Datuk Hamdan Adnan berkata, penubuhan majlis itu dapat mengelak pihak-pihak yang terbabit menuding jari sesama sendiri sekiranya timbul masalah.

"Pendedahan yang dibuat oleh *Utusan* mengenai pencerobohan tanah rizab Melayu adalah contoh yang paling ketara.

"Setiap pihak cuba melepaskan diri dan menyalahkan pihak lain berhubung masalah tersebut dan akhirnya penyelesaian tidak juga dicapai," katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mhamad mengenai ketidakseragam-

an sistem pentadbiran jabatan dan agensi berkaitan menyebabkan tidak ada sistem pemantauan yang berkesan terhadap pencerobohan tanah rizab Melayu.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji semula sistem pentadbiran di beberapa jabatan dan agensinya supaya penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah rizab Melayu yang semakin serius di seluruh negara dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Pada 17 Oktober lalu, *Utusan* mendedahkan pencerobohan tanah rizab Melayu di beberapa kawasan termasuk di Taman Harmonis, Selayang.

Pencerobohan itu dilakukan oleh sekumpulan warga Indonesia dengan membina perkampungan rumah mewah secara haram di kawasan seluas satu hektar di taman perumahan terbabit.

Mengulas lanjut, Hamdan berkata, penubuhan majlis khas juga merupakan satu langkah penyeragaman pe-

nguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah rizab Melayu yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.

Hamdan yang juga Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) memberitahu, majlis itu perlu dianggotai oleh wakil dari pada kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengkaji penubuhan majlis itu kerana ia akan dapat menyelamatkan tanah rizab Melayu daripada terus diterokai secara haram.

"Apabila semua pihak sudah duduk sebungung, bila timbul sebarang masalah ia boleh diselesaikan bersama-sama," katanya.

Selain itu menurut Hamdan, melalui majlis itu juga, tanah-tanah rizab Melayu yang selama ini terbiar tanpa penjagaan boleh diuruskan dan memberi hasil.